

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 1(3)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 03 TAHUN 2014**

---

**Tarikh : 24 April 2014 (Khamis)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 11.30 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi<br>Yang Dipertua MPSJ        | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                               | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh                 | - | "                       |
| 5.  | Encik Tai Cheng Heng                                      | - | "                       |
| 6.  | Encik Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen                 | - | "                       |
| 7.  | Encik Sufari bin Tinnin                                   | - | "                       |
| 8.  | Encik Chong Hoon Ming                                     | - | "                       |
| 9.  | Puan Azizan binti Jamaludin                               | - | "                       |
| 10. | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 11. | Puan Sazana binti Isa                                     | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Loka Ng Sai Kai                    | - | " |
| 13. | Encik Michael Noel Jalleh                | - | " |
| 14. | Encik Yap Kok Weng                       | - | " |
| 15. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh       | - | " |
| 16. | Ir. Izham bin Hashim                     | - | " |
| 17. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 18. | Puan Rozaina binti Hamzih                | - | " |
| 19. | Encik Wan Hock Leong                     | - | " |
| 20. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi           | - | " |

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar  
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Zahiruddin bin Hashim  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari  
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Encik Noorhafez bin Nordin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
18. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
19. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
22. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
23. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
24. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
25. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
26. Encik Samzol bin Saat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat
27. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

28. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
29. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
30. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
31. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
32. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
33. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
34. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
35. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
37. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
38. Dr. Fatim Zulaika binti Mohamed Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
39. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
40. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
41. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

42. Encik Khairul Nazim bin Arbain  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
43. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
44. Puan Asmidar binti Shaarin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
45. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
46. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
47. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
48. Puan Nadia binti Abu Baharin  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
49. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
50. Encik Mohd Kamil bin Basir  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
51. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
52. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
53. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
54. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
55. Cik Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

56. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
57. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
58. Encik Mazrul Zahar bin Mohd  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
59. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
60. Puan Diana binti Mohamad Daim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
61. Puan Dayana binti Omar  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
62. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
63. Encik Ahmad Fairuz bin Fadzil  
Ahli Muzik Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **URUSETIA**

1. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Mohd Lutfi bin Abd Wahab  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## 1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## 2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 03/2014 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### 2.1 Majlis Pelancaran Kempen Kawalan Dan Penguatkuasaan "Anti-Litter" MPSJ 2014

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan Majlis Pelancaran Kempen Kawalan Dan Penguatkuasaan "Anti-Litter" MPSJ 2014 pada 16 April 2014 (Rabu) bertempat di Jalan USJ 10/1B (berhadapan dengan bangunan Sime Darby).

Objektif kempen adalah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya untuk menjaga kebersihan dan memelihara keindahan alam sekitar serta mendisplinkan masyarakat agar tidak membuang sampah di merata-rata tempat. Di samping itu, kempen ini juga adalah untuk mengetatkan Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (MPSJ) 2007.

Anggota Penguatkuasa Majlis akan mengeluarkan kompaun serta-merta kepada pesalah dan pesalah dikehendaki membuat pembayaran secara terus kepada Penguatkuasa tersebut dengan tawaran kompaun sebanyak RM10.00 untuk setiap satu kesalahan yang dilakukan.



Sehubungan itu, sebanyak 400 tong 'anti-liter' akan ditempatkan di beberapa lokasi komersial di kawasan MPSJ iaitu:

Bil	Lokasi	Bil. Tong
1.	Kawasan Komersial SS 15	100
2.	Kawasan Komersial USJ 9	40
3.	Kawasan Komersial USJ 10	60
4.	Kawasan Komersial Bandar Puteri	140
5.	Kawasan Komersial USJ 1 (Regalia)	20
6.	Kawasan Komersial Puchong Prima 5	12
7.	Kawasan Komersial BS 4	16
8.	Kawasan Komersial Taman Seri Serdang	12

Reka bentuk tong yang telah dihasilkan adalah mengambil kira beberapa kriteria iaitu saiz, warna, bentuk, vandalisme dan iklan haram/'sticker' haram. Justeru, tong "anti-litter" yang digunakan kali ini adalah memenuhi kriteria berkaitan:

Bil	Kriteria	Catatan
1.	Saiz	Kapasiti 60 liter dan tidak menghalang laluan pejalan kaki
2.	Warna	Jingga terang dengan arahan mudah dan jelas "Gunakan Saya"
3.	Bentuk & Iklan Haram	Bentuk 'curve' di permukaan tong bagi menyukarkan pemasangan iklan haram/ 'sticker' haram 'Ashtray' berbentuk puntung rokok
4.	Vandalisme	Tong dibuka dari bawah menggunakan engsel dan tidak berpenutup

Pemasangan papan tanda juga akan dibuat di sekitar lokasi tong ini dipasang sebagai amaran dan pemberitahuan kepada orang awam untuk makluman disamping aktiviti penguatkuasaan yang sedang dijalankan.

Dengan adanya kempen sebegini, pihak Majlis berharap agar masalah pembuangan sampah di merata-rata tempat dapat ditangani dan kebersihan serta keindahan alam sekitar terus terpelihara.

## **2.2 Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)**

MPSJ telah menghantar permohonan bagi Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) dengan mempertandingkan sebanyak 21 inovasi. Pada 18 April 2014 (Jumaat), MPSJ telah menerima lawatan panel penilai Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan bagi menilai 21 projek inovasi tersebut.

Lawatan penilaian tersebut diketuai oleh YBhg. Dato' Halimi bin Abd. Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha Sektor Kesejahteraan Bandar. 21 projek yang dipertandingkan adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>TAJUK INOVASI</b>
1.	Lesen Ekspres
2.	B-Col
3.	IMMPSJ
4.	Sistem Pembayaran MPSJ
5.	Kebun Komuniti
6.	Inovasi Penjimatan Tenaga Elektrik Melalui Alat Pengimbas
7.	Zero Kaunter
8.	Sistem Panel Peguam
9.	E-Pusara
10.	Pengurusan Sisa Organik
11.	Pusat Usahasama MPSJ-Hioki
12.	Penjenamaan Bandar
13.	Learned Pillar

14.	Mobile Advert
15.	Pantas MPSJ
16.	Call Centre
17.	Sistem I-Responz
18.	R.E.C (Rapid and Effective Communication)
19.	Program Kolaborasi Strategik Bersama Agensi dan Komuniti (Smart Partnership)
20.	Program Persahabatan Bandar
21.	E-Planning

Diharapkan penyertaan pada tahun ini akan membawa kejayaan yang lebih besar kepada MPSJ.

### **2.3 Slot Wawancara Dalam Program Ruang Bicara Bernama TV**

Dato' Yang Dipertua telah diwawancara dalam segmen Ruang Bicara daripada Bernama TV pada 22 April 2014 (Selasa). Wawancara ini turut dihadiri oleh Dr. Ab Rahman bin Awang, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan dan disiarkan secara langsung di siaran Astro 502 pada jam 9.30 – 10.30 malam.

Tajuk Diskusi : Komuniti Madani / *Good Citizen*.

### **2.4 Lawatan EPU World Bank**

Pada 23 April 2014 (Rabu), MPSJ telah menerima 4 orang pelawat daripada EPU World Bank bersama pegawai daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Lawatan ini bertujuan bagi melaksanakan kajian Malaysia : 'Achieving A System Of Competitive Cities'. Kajian ini dijalankan dengan kerjasama sekumpulan pakar daripada Bank Dunia dan MPSJ telah dipilih sebagai pilot projek bagi meneliti aspek ekonomi dan fizikal Bandar serta cadangan aktiviti ekonomi yang bersesuaian ke arah menjadikan MPSJ sebuah Bandar berdaya saing dan berpendapatan tinggi.

## **2.5 Majlis Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) 2013**

Objektif program ini diadakan adalah sebagai tanda penghargaan serta galakan terhadap usaha-usaha JKP MPSJ dalam memajukan masyarakat di samping menaikkan semangat di kalangan JKP MPSJ untuk terus aktif. Menghargai mantan Ahli Majlis MPSJ di atas jasa dan sumbangan mereka semasa mereka berkhidmat dengan MPSJ. Anugerah ini juga adalah sebagai pendorong semangat dan motivasi agar pihak JKP MPSJ akan terus berusaha untuk melaksanakan program/aktiviti kemasyarakatan dengan penuh tanggungjawab. Majlis Anugerah ini akan diadakan pada 26 April 2014 (Sabtu), jam 8.00 malam, bertempat di Saujana Ballroom, Hotel Saujana.

Di antara kategori anugerah yang disediakan ialah;

- i. Anugerah Program Kemasyarakatan JKP MPSJ Terbaik
- ii. Anugerah Pengurusan Kewangan JKP MPSJ Terbaik
- iii. Anugerah Pengurusan Projek JKP MPSJ Terbaik
- iv. Anugerah Pegawai Kawasan Terbaik
- v. Anugerah Kepimpinan JKP MPSJ Terbaik
- vi. Anugerah JKP MPSJ Terbaik Keseluruhan

## **2.6 Audit MS ISO / IEC 27001:2007 – ISMS Stage 1**

MPSJ akan menerima kunjungan daripada Auditor SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 30 April 2014 (Rabu) bagi membuat penilaian terhadap Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007, Information Security Management System (ISMS). Skop auditan adalah melibatkan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Operasi Pusat Data MPSJ.

Tujuan pengauditan ini adalah bagi memastikan pengurusan ICT MPSJ dari segi pengurusan data dan maklumat adalah selaras dengan standard antarabangsa MS ISO/IEC 27001:2007 ISMS.

## **2.7 Program Belia Madani Cegah Jenayah**

Pada tahun 2014, Program Belia Madani Cegah Jenayah atau lebih dikenali sebagai Jom Konvoi akan menjelajah ke Selatan Tanah Air. Program ini akan berlangsung pada 10 Mei 2014 hingga 13 Mei 2014. Lokasi yang menjadi tumpuan program kali ini adalah dari Subang Jaya ke Johor.

Program Jom Konvoi yang dijadikan program tahunan ini akan melibatkan belia dan beliawanis bermotosikal berkuasa di bawah 150cc bagi memenuhi objektif seperti berikut:

- i. Membantu menerapkan nilai-nilai murni, meningkatkan jati dan sahsiah diri, sifat patriotik kepada remaja melalui modul-modul yang disediakan.
- ii. Menggalakkan remaja cenderung ke arah aktiviti dan amalan yang sihat serta berfaedah untuk diri, keluarga, bangsa dan negara
- iii. Memberi ruang dan peluang kepada remaja untuk lebih menghargai diri mereka disamping menghindari belia daripada gejala tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah dan gejala Mat Rempit.
- iv. Memberi kesedaran tentang bahaya jenayah dan elemen-elemen pencegahan jenayah.
- v. Menerapkan dan menggalakan belia kearah aktiviti kesukarelawan.
- vi. Mempromosikan dan menggalakkan aktiviti pelancongan di dalam negara kepada kepada para peserta.

Pelbagai aktiviti yang menarik telah dirancang sepanjang program berlangsung yang mana ia telah dipecahkan kepada empat (4) modul iaitu:

- Modul Perbandaran
- Modul Belia Pembela Bangsa

- Modul Belia Cergas
- Modul Belia Prihatin

MPSJ berharap agar hasrat murni MPSJ untuk melahirkan golongan masyarakat madani terutama di kalangan golongan belia tercapai dengan penganjuran program ini.

## **2.8 Pertandingan Muzik Etnik Kontemporari Kreatif Terbuka MPSJ 2014**

Objektif program ini dianjurkan adalah untuk mempelbagaikan aktiviti dalam membina sebuah badan kerajaan yang aktif dalam pembangunan kebudayaan, sosial, sukan dan pelancongan. Memberi pendedahan kepada peserta dengan aktiviti-aktiviti yang lebih berfaedah dan memenuhi masa senggang peserta. Pertandingan ini adalah kali kedua dianjurkan oleh MPSJ dengan anjuran bersama UPM.

Pertandingan Muzik Etnik Kontemporari Kreatif Terbuka MPSJ 2014 ini akan diadakan pada 24 dan 25 Mei 2014 (Sabtu dan Ahad), jam 2.30 petang, bertempat di Panggung Percubaan, UPM.

Pertandingan ini terbuka kepada remaja dari IPT Awam dan Swasta, Badan-Badan Kerajaan dan Swasta, golongan belia, serta terbuka kepada orang ramai yang berminat. Yuran Penyertaan adalah sebanyak RM50.00 untuk setiap penyertaan.

## **2.9 Kejohanan Bola Jaring Terbuka Selangor 2014**

Kejohanan Bola Jaring Terbuka Selangor ini merupakan kali kedua diadakan dan adalah menjadi hasrat dan harapan MPSJ bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya demi peningkatan pencapaian sukan Bola Jaring.

Penganjuran acara sukan ini dapat membantu melahirkan dan mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan Bola Jaring terutama di kalangan golongan remaja dan belia untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, penganjuran acara sukan ini juga dapat menggalakkan kegiatan yang sihat dan memberi peluang di kalangan belia untuk melibatkan diri dalam kegiatan bersukan.

Menyediakan ruang dan peluang yang lebih sistematik kepada pemain-pemain untuk memperolehi pengalaman serta pendedahan yang sepenuhnya dalam sukan Bola Jaring.

Selain itu, ia juga sebagai langkah untuk menyahut seruan kerajaan dalam melaksanakan program pembangunan sukan di peringkat akar umbi ke arah melahirkan dan membentuk budaya sukan gemilang. Kejohanan Bola Jaring Terbuka Selangor 2014 ini akan diadakan pada 31 Mei 2014 dan 01Jun 2014 (Sabtu dan Ahad), jam 9.00 Pagi – 10.00 Malam, bertempat di Kompleks Sukan MPSJ.

Kategori pertandingan dan yuran penyertaan adalah seperti berikut;

- i) Kategori Bawah 18 tahun (RM50.00/pasukan)
- ii) Kategori Terbuka (RM150.00/pasukan)

## **2.10 MPSJ Open Day**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan *Open Day* pada 14 – 15 Jun 2014 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Putra Heights. *Open Day* ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan penerangan serta mendapatkan pandangan penduduk berkaitan Pelan Strategik dan Rancangan Tempatan MPSJ.

Pelbagai acara dan aktiviti menarik telah dirancang sepanjang program tersebut seperti *booth* jualan, *kid's corner*, permainan, *eco transport*, *green booth* dan banyak lagi.

## **2.11 Laporan Demam Denggi**

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 16 (iaitu sehingga 19 April 2014) adalah sebanyak 2518 kes dilaporkan dan sebanyak 2168 kes disahkan positif. Buat masa ini terdapat empat (4) kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu:-

- i) Bandar Puteri 7 (Teras) – 18 kes
- ii) Taman Serdang Perdana (South City Condo) – 32 kes
- iii) Taman Kinrara 3 (Vista Lavender) – 82 kes
- iv) Taman Puchong Perdana 4 (Flat Blok A – G) – 7 kes

Sehubungan dengan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.



## **2.12 Rangka Kerja Dan Penilaian Bandar Rendah Karbon (Low Carbon Cities Framework) Di Perbandaran Subang Jaya**

MPSJ sedang menyediakan pelan jangka panjang yang dikenali sebagai **MPSJ Green City Plan 2030**. Pelan ini dirancang berdasarkan kepada beberapa hasil penemuan semasa lab-lab perancangan strategik MPSJ. *MPSJ Green City Plan 2030* adalah satu dokumen perancangan strategik yang menggabungkan input-input Pelan Strategik MPSJ 2030 dan Rancangan Tempatan MPSJ 9 (Pengubahan) 2030 dan Kajian Lalulintas dan Pengangkutan Jalan 2013.

Beberapa perancangan kerja telah disediakan untuk penyediaan MPSJ Green City 2030 antaranya Taklimat dan Program Latihan Rangka Kerja Dan Penilaian Bandar Rendah Karbon Di Perbandaran Subang Jaya Anjuran Bersama *Malaysian Green Technology Corporation* Dan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Air (KeTTHA) telah diadakan pada 15 April hingga 17 April 2014 (Selasa–Khamis) yang dihadiri oleh Ahli Majlis dan Pengarah dan Pegawai MPSJ.

Manakala pada 14 Mei – 15 Mei 2014 (Rabu – Khamis) akan datang satu taklimat kepada Perunding Perancang Bandar, Pemaju Hartanah, Akitek, Akitek Landskap, Jurutera, Jurukur Tanah, Kontraktor Pembersihan dan pegawai kerajaan. Program ini juga adalah untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan, Perancang Bandar, Perunding dan juga pemaju dalam mereka bentuk bandar rendah karbon.

Pada 03 Jun 2014 (Selasa) pula akan diadakan satu perbincangan *CEO Meeting* dan susulan daripada itu pada 14 – 15 Jun 2014 (Sabtu - Ahad) akan diadakan program ***Green City Open Day*** sempena program ***LCCF***.

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSJ telah terpilih sebagai Projek Perintis (pilot project) *Sustainable Living Stakeholder Engagement* anjuran *Malaysian Green Technology Corporation* dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau, Air (KeTTHA) selain MBPJ dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

### **3.0 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima** Laporan Pembentangan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

### **4.0 KERTAS MAKLUMAN CADANGAN PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (PENGUBAHAN 1) 2020 KEPADA RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (PENGUBAHAN 2) 2030. (MPSJ/JPB/100-2/10/1/4 JLD. 1) (Kertas Mesyuarat Bil. 01/04/2014)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Makluman Cadangan Pengubahan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 1) 2020 Kepada Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) 2030.

**Tindakan : Jabatan Perancang Bandar**

### **5.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 02/2014 BERTARIKH 26 MAC 2014.**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02/2014 bertarikh 26 Mac 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

## **6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

### **6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 04/2014 Bertarikh 09 April 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

### **6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2014 Bertarikh 22 April 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

### **6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 02/2014 Bertarikh 09 April 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.4 m.s 5	En. Mohan Singh a/ Surtar Singh	Isu Pencemaran Bau Dari Kilang MASDEF Di Puchong Utama	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera untuk menangani isu berkenaan pencemaran bau dari kilang MASDEF di Puchong Utama memandangkan terdapat banyak aduan yang diterima daripada penduduk sekitar berhubung isu ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Undang-Undang memaklumkan bahawa pihak Jabatan sedang mengenalpasti dan mengemaskini beberapa kaedah dan tindakan yang bersesuaian dalam menangani isu-isu berbangkit berhubung perkara ini.</p> <p>Beliau turut menjelaskan bahawa sebelum sesuatu tindakan susulan diambil, pihak Majlis terlebih dahulu perlu mengkaji dan meneliti pelbagai aspek-aspek yang berkaitan termasuk</p>

				<p>yang melibatkan isu-isu teknikal dan perundangan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini telah diambil perhatian yang serius oleh pihak Majlis.</p> <p>Dato' Yang Dipertua turut memaklumkan bahawa pemilik kilang tersebut telah bersetuju untuk berpindah dan akan mengemukakan permohonan untuk berpindah ke lokasi baru dalam tempoh enam bulan.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 02/2014 Bertarikh 11 April 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

## 6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 02/2014 Bertarikh 14 April 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersejua menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.1.10 m.s 16	En. Keshminder Singh a/l K. Karam Singh	Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula pelantikan Pengerusi bagi Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa sebarang perubahan keputusan berhubung pemilihan Pengerusi bagi Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ ini hendaklah dibawa untuk makluman di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan.</p>

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

## 6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 02/2014 Bertarikh 15 April 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Chia Yew Ken	Isu Banjir Kilat Di PJS 9/1, Bandar Sunway	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera untuk menangani masalah banjir kilat yang kerap kali berlaku di persimpangan jalan kawasan PJS 9/1, Bandar Sunway.</p> <p>Beliau memohon supaya kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di kawasan tersebut segera dilaksanakan.</p> <p>Selain itu, pihak Majlis juga diminta untuk menyemak semula syarat-syarat yang dikenakan ke atas pihak pemaju di kawasan pembangunan tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan</p>

				<p>ini dan seterusnya meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan segera bagi mengenalpasti punca berlakunya masalah banjir di kawasan tersebut.</p> <p>Pihak Jabatan juga diminta untuk membuat kajian secara menyeluruh bagi melihat kaedah dan alternatif yang sesuai untuk dilaksanakan dalam menyelesaikan masalah ini.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 02/2014 Bertarikh 16 April 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 6 m.s 9 & 10	En. Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan	Laporan Bulanan, Jabatan Penguatkuasaan, MPSJ	Beliau mencadangkan supaya laporan graf tindakan penguatkuasaan yang dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa



				<p>Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan yang akan datang dapat mengasingkan maklumat tindakan ke atas premis yang berlesen dan tidak berlesen.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Penguatkuasaan membuat penambahbaikan terhadap format laporan yang disediakan.</p>
2	Hal-Hal Lain	En. Tai Cheng Heng	Kempen "Anti-Litter" MPSJ	<p>Beliau memohon penjelasan berhubung pelaksanaan Kempen Kawalan Dan Penguatkuasaan "Anti-Litter" MPSJ</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa Kempen Kawalan Dan Penguatkuasaan "Anti-Litter" MPSJ telah mula dilaksanakan pada bulan Oktober 2013 di kawasan SS 15, Subang Jaya dan telah</p>

				<p>diperluaskan di kawasan USJ 10, Taipan, Subang Jaya pada bulan April 2014.</p> <p>Objektif kempen ini adalah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga kebersihan dan memelihara alam sekitar serta mendisiplinkan masyarakat agar tidak membuang sampah di merata-rata tempat.</p> <p>Penguatkuasaan kempen ini adalah untuk mengetatkan Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (MPSJ) 2007.</p> <p>Kompaun serta-merta kepada pesalah akan dikeluarkan dan pesalah dikehendaki membuat pembayaran terus kepada anggota Penguatkuasa dengan tawaran kompaun sebanyak RM10.00 untuk setiap satu kesalahan yang dilakukan.</p>
--	--	--	--	---

3	Hal-Hal Lain	En. Loka Ng Sai Kai	Operasi Kunci Tayar @ 'Clamping' Kenderaan Berat	<p>Beliau memohon maklumat berhubung status terkini pelaksanaan operasi kunci tayar @ 'clamping' kenderaan berat di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Penguatkuasaan MPSJ memaklumkan bahawa pihak Majlis mempunyai 20 unit peralatan operasi kunci tayar @ 'clamping'.</p> <p>Operasi tindakan 'clamping' ke atas kenderaan berat akan dilaksanakan secara berterusan di kawasan yang menjadi 'hotspots' kenderaan berat meletakkan kenderaan tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis memandang serius terhadap isu kenderaan berat yang parkir kenderaan di kawasan awam seperti di tepi jalan dan juga di kawasan-kawasan</p>
---	--------------	---------------------	--	---

				<p>perumahan. Keadaan ini bukan sahaja membahayakan pengguna jalan raya malah boleh merosakkan jalan dan pokok-pokok di kawasan berkenaan.</p> <p>Sehubungan dengan itu, Dato' Yang Dipertua meminta supaya Jabatan Penguatkuasaan dapat memikirkan kaedah yang menyeluruh dan berkesan dalam melaksanakan operasi 'clamping' kenderaan berat ini.</p> <p>Selain itu, Dato' Yang Dipertua turut memaklumkan bahawa MPSJ juga akan mengambil tindakan proaktif dengan meluluskan cadangan sewaan trak 'towing' bersaiz 3 tan untuk menjalankan operasi tindakan menarik kenderaan berat yang melakukan kesalahan parkir di tempat awam selain tindakan 'clamping' dan kompaun yang dikeluarkan.</p>
--	--	--	--	--

				Pihak Majlis juga akan melaporkan kesalahan yang dilakukan oleh pemilik lesen kenderaan berat ini kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

**6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 02/2014 Bertarikh 18 April 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

**6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 02/2014 Bertarikh 21 April 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

## 7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 7.1 Ucapan penangguhan diterima daripada Encik Sufari bin Tinnin yang mengemukakan usul berhubung masalah banjir yang sering berlaku di kawasan Taman Seri Serdang.

### **Maklumbalas**

Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis mengambil perhatian yang serius berhubung perkara ini dan akan membincangkannya dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.

### **Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

- 7.2 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

### **'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

Disediakan oleh;

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)**  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

Disahkan oleh;

.....  
**(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)**  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**